

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL**

**KAWASAN : KANGAR**

**TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN : 25**

YB. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [ KANGAR ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah peningkatan permintaan barangan elektrik dan elektronik (E&E) sepanjang 2010-2014 dan nyatakan perancangan Kementerian bagi meningkatkan industri E&E di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Permintaan ke atas keluaran elektrik dan elektronik (E&E) sama ada dalam bentuk komponen mahupun keluaran siap telah menunjukkan peningkatan di sepanjang tahun 2010 hingga 2014. Peningkatan ini boleh dilihat daripada pelbagai aspek, iaitu dari segi permintaan ke atas keluaran siap E&E untuk pasaran eksport dan pasaran tempatan; serta

permintaan ke atas komponen E&E untuk proses pengeluaran keluaran siap dan separa siap.

Jualan ke atas keluaran siap E&E untuk pasaran eksport, menunjukkan peningkatan sebanyak 2.56 peratus daripada RM249.7 billion pada tahun 2010 kepada RM256.1 billion pada tahun 2014.

Jualan keluaran siap E&E untuk pasaran tempatan pula dapat dilihat melalui jumlah jualan keluaran E&E di dalam negara yang meningkat sebanyak 14.74 peratus daripada RM166.8 billion pada tahun 2010 kepada RM191.4 billion pada tahun 2014.

Dari segi permintaan ke atas komponen E&E untuk proses pengeluaran keluaran siap dan separa siap pula, ianya dapat dilihat melalui import komponen E&E yang meningkat sebanyak 0.95 peratus daripada RM188.9 billion bagi 2010 kepada RM190.7 billion bagi 2014.

Tuan Yang Di Pertua,

Industri E&E merupakan salah satu industri strategik yang dikenalpasti sebagai pemangkin kepada pertumbuhan industri-industri yang lain. Dalam merealisasikan objektif untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan membolehkan industri terus kekal sebagai peneraju dalam bidang yang bernilai tambah tinggi ini, Kerajaan akan berusaha untuk meningkatkan keupayaan sedia ada industri untuk terlibat dalam aktiviti dan keluaran yang bernilai tambah tinggi seiring dengan perkembangan teknologi pada masa akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Meskipun industri E&E merupakan industri yang telah lama bertapak di negara ini, masih terdapat jurang yang wujud dalam eko-sistem industri yang perlu diatasi untuk memastikan Malaysia terus berdaya saing dalam sektor ini. Untuk tujuan ini, Majlis Strategik E&E telah ditubuhkan sebagai inisiatif untuk meningkatkan kerjasama erat Kerajaan bersama pihak industri untuk memacu usaha sama bagi membangunkan industri E&E. Majlis ini dipengerusikan bersama oleh Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Pengerusi Persatuan Industri Elektronik Malaysia-Amerika Syarikat (MAEI) manakala keahliannya terdiri daripada wakil pelbagai sub-sektor industri E&E serta kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH** : **8 APRIL 2015 (RABU)**

**SOALAN** : **26**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah juruterbang berdaftar di Malaysia. Berapakah orang Malaysia dan berapakah Orang Asing mengikut kategori, tidak terhad kepada, juruterbang kapal jet, helikopter, jet pejuang (*fighter jet*) dan sebagainya.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah juruterbang berdaftar di Malaysia adalah sebanyak 3,975 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,586 orang adalah rakyat Malaysia yang terdiri daripada 3,353 orang juruterbang kapal terbang dan 233 orang juruterbang helikopter, manakala, sebanyak 389 adalah rakyat asing yang terdiri daripada 263 orang juruterbang kapal terbang dan 126 orang juruterbang helikopter.

Manakala, maklumat bagi juruterbang *jet fighter* boleh diperolehi daripada Kementerian Pertahanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL  
ANUAR BIN WAN AHMAD  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)**

**SOALAN : 27**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pihak Kerajaan bersama Kerajaan China dan Australia, telah mengklasifikasikan MH370 sebagai satu tragedi nahas yang menyayat hati, tetapi operasi pencarian MH370 masih diteruskan. Apakah kos operasinya dan sampai bilakah operasi ini akan diteruskan.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga bulan Disember 2014, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM79,031,905.76** dalam operasi pencarian pesawat MH370.

Untuk makluman Yang Berhormat, operasi pencarian pesawat MH370 akan diteruskan oleh Kerajaan. Sebarang keputusan untuk memberhentikan operasi pencarian pesawat MH370 tersebut hanya akan diputuskan bersama oleh Kerajaan Malaysia, China dan Australia setelah mendapat nasihat teknikal daripada Kumpulan Pakar berhubung satelit yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada *Air Accident Investigation Branch (AAIB)*, United Kingdom, *National Transportation Safety Board (NTSB)* United States, *Australian Transportation Safety Bureau (ATSB)*, Boeing, *Australia's Defence Science and Technology Organisation*, Thales, Inmarsat dan Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia.